

Buletin 2020

Edisi 54 | Apr - Sept 2020

utmspace.edu.my

HARI TERBUKA MAYA UTMSPACE, PROGRAM UTM IDP, IDP JAPAN, BGS, BBA DAN PENGAJIAN SEPARUH MASA AMBILAN SEPTEMBER 2020



Julung-julung kalinya, Seksyen Perhubungan Pelanggan di bawah Bahagian Pemasaran dan Perhubungan Pelanggan UTMSPACE telah mengadakan Hari Terbuka Maya pada 26 Julai 2020 yang lalu. Memandangkan situasi negara yang masih di bawah perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, hari terbuka ini perlu diadakan secara maya, bagi memudahkan orang ramai untuk mengetahui produk-produk yang ditawarkan oleh UTMSPACE. Ia juga memberi peluang untuk umum berinteraksi bersama panel-panel jemputan yang mewakili setiap program secara langsung. Ramai pelayar telah mengajukan soalan yang berkaitan dengan program pada sesi-sesi yang berlangsung.



Pada hari tersebut juga telah dijalankan pendaftaran secara atas talian bagi program UTM IDP, IDP Japan, BGS, BBA dan Pengajian Separuh Masa Ambilan September 2020. Para pemohon hanya perlu melayari ke pautan laman sesawang yang diberikan dan melengkapkan permohonan mereka. Pemohon yang mendaftar dan berjaya ditawarkan tempat, akan diberikan pemotongan rebat sebanyak RM500 bagi yuran pengajian pada semester pertama.



HARI TERBUKA MAYA

26 JULAI 2020 | PENGAMBILAN SEPTEMBER 2020
10 pg - 4 pta

Siapa layak untuk **REBAT RM500**

Terma dan Syarat

- Permohonan adalah terbuka bagi pengambilan September 2020.
- Hanya terpakai untuk program sarjana muda sepenuh dan separuh masa sahaja.
- Permohonan dibuat secara atas talian dengan lengkap di space.utm.my pada tarikh 26 Julai 2020.
- Bagi permohonan awal yang belum lengkap, dokumen perlu dilengkapkan seperti diminta pada 26 Julai 2020.
- Hanya pemohon yang layak bagi program yang dibuka sahaja akan menerima rebat.
- Rebate akan diberi dalam bentuk potongan yuran pengajian.
- SPACE tidak bertanggungjawab jika program pengajian separuh masa tidak ditawarkan walaupun pemohon layak.
- UTMSPACE berhak meminda terma dan syarat tanpa pemberitahuan awal.

 space.utm.my
07-5318000/8001

Bahagian Teknologi Maklumat (BPTM) UTMSPACE telah menyediakan platform atas talian dengan menggunakan aplikasi “Webex Event” dan “Landing Page” khas bagi program Hari Terbuka Maya UTMSPACE.

Sehubungan dengan itu, Seksyen Perhubungan Pelanggan pula telah membuat hebahan kepada umum lebih awal dimana mereka perlu mengisi maklumat diri di “Landing Page” yang disediakan. Pada hari acara, mereka yang terlibat di dalam program Hari Terbuka Maya UTMSPACE adalah terdiri daripada ketua-ketua program dan pegawai, serta pengurus besar daripada Bahagian Pengambilan Pelajar, Pusat Pengajian Separuh Masa dan Pusat Pengajian Ijazah SPACE.

HARI PENDAFTARAN TERBUKA PROGRAM ASASI AMBILAN MEI DAN PROGRAN DIPLOMA UTM AMBILAN JUN 2020





Pada 14 dan 15 Mac 2020, UTMSPACE telah mengadakan Hari Pendaftaran Terbuka bagi Program Asasiambilan Mei dan Program Diploma UTM bagiambilan Jun 2020. Hari Pendaftaran Terbuka ini telah diadakan di UTMSPACE Johor Bahru dan Residensi UTM Kuala Lumpur. Ia adalah bertujuan menggalakkan pemohon untuk mendaftar ke program-program yang ditawarkan secara langsung sebaik sahaja keputusan SPM diumumkan.

Seramai 241 orang pengunjung telah hadir di UTMSPACE Johor Bahru, manakala 357 orang pula di Kuala Lumpur. Penerangan bagi program-program yang ditawarkan telah disampaikan oleh pegawai dan penyelaras bagi tujuan tersebut. Pengunjung yang hadir ingin mendapatkan khidmat nasihat dan sekaligus membuat permohonan secara atas talian. Cenderahati UTMSPACE juga turut diberikan kepada 50 pengunjung terawal yang hadir.



PROGRAM MINGGU MESRA MAHASISWA (3M) SESI 2020/2021

Minggu Mesra Mahasiswa atau dikenali sebagai 3M telah dijalankan pada 17-19 Jun 2020. Berikutan dengan situasi negara yang masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, sesi Minggu Mesra Mahasiswa ini telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi WEBEX. Program Minggu Mesra Mahasiswa ini telah dijalankan dengan kerjasama Pusat Pengajian Diploma, SPACE, Hah Ehwal Pelajar UTM dan Bahagian Pengambilan Pelajar.



SESI PENGKAYAAN ILMU: TRANSFORMASI MINDA



Sesi Pengkayaan Ilmu: Transformasi Minda telah diadakan secara langsung di Facebook Live UTMSPACE pada 22 September 2020. Penceramah undangan iaitu Dr. Ruzimi bin Mohamed@ Mahmood telah diundang ke sesi kali ini untuk berkongsi perjalanan dan pengalaman beliau sebagai seorang pelajar UTM yang bermula daripada peringkat Diploma sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Penyampaian secara santai namun penuh input daripada beliau, telah ditonton oleh pelajar-pelajar diperingkat diploma. Dr. Ruzimi juga telah menceritakan perjalanan hidup beliau sebagai seorang orang kelaianan upaya (OKU) dalam mengejar cita-cita. Beliau telah memberi kata-kata perangsang dan tips pembelajaran yang berkesan kepada pelajar-pelajar yang menonton sesi tersebut, agar mereka lebih berusaha dalam pengajian dan menamatkan pembelajaran dengan cemerlang. Penyertaan bagi sesi ini adalah terbuka kepada seluruh warga staf UTM dan juga pelajar diperingkat diploma, Pusat Pengajian Diploma, SPACE.

MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA UTMSPACE & MALAYSIAN ASSOCIATION OF FACILITY MANAGEMENT (MAFM) & KULIAH PERASMIAN PROFESOR ADJUNG BERJUDUL, ‘REENGINEERING ENTREPRENEURSHIP IN CONSTRUCTION INDUSTRY – CIDB STRATEGY AND WAY FORWARD’



Pada 19 September 2020, bertempat di UTMSPACE Kuala Lumpur, telah berlangsungnya Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UTMSPACE & Malaysian Association of Facility Management (MAFM). Tetamu kehormat yang hadir pada majlis ini adalah YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia.

Dokumen MoU telah ditandatangani oleh Y.Brs. Profesor Dr. Azlan Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE dan Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari Haji Akob, Presiden MAFM.

Turut hadir sepanjang program ini adalah Prof. Madya Sr Dr. Zakaria Mohd Yusof, Pengarah Pendidikan Berterusan, UTMSPACE dan Encik Mohammad Shahrizal Mohammad Idris, Timbalan Presiden MAFM, serta barisan Pengurusan UTMSPACE, MAFM, CIDB dan ACPM.

Pada acara yang sama juga, telah berlangsungnya sesi Kuliah Perasmian Profesor Adjung yang berjudul *Reengineering Entrepreneurship In Construction Industry – CIDB Strategy and Way Forward*. Kuliah ini telah disampaikan oleh YBhg, Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia. Acara ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Pengurusan UTMSPACE, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), *Malaysian Association of Facilities Management* (MAFM) dan *Malaysian Association of Project Management* (ACPM).



MAJLIS PENYAMPAIAN MOU ANTARA UTMSPACE & ACPM DAN PELANCARAN PROFESIONAL MASTER IN CONSTRUCTION PROJECT MANAGEMENT



Majlis penyampaian Memorandum Persefahaman antara UTMSPACE & ACPM dan Pelancaran *Professional Master in Construction Project Management* telah diadakan pada 27 Jun 2020 di UTMSPACE Kuala Lumpur. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YBhg. Prof. Adjung YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Tetamu kehormat yang telah hadir ke majlis ini adalah

- YBhg. Datuk Ir. Hamzah bin Hasan, Ahli Lembaga Pengarah UTMSPACE
- YBhg. Dato' Seri Dr. Amer Hamzah Mohd Yunus, Presiden, Association of Construction Project Managers Malaysia (ACPM)
- YBrs. Encik Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani, Timbalan Ketua Eksekutif 2, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Ucaptive majlis telah disampaikan oleh Y.Brs. Profesor Dr. Azlan Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE. Beliau juga telah menyerahkan surat Tawaran Program kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya menyertai program Professional Master in Construction Project Management.



Turut hadir adalah Prof. Madya Sr Dr. Zakaria Mohd Yusof, Pengarah Pendidikan Berterusan dan Prof. Madya Sr Dr. Sarajul Fikri Mohamed, Pengurus Besar Pusat Pembangunan Profesional.

Seramai 32 orang telah mendaftar sebagai pelajar bagi program *Professional Master in Construction Project Management*. Mereka telah memulakan pengajian pada 4 Julai 2020 yang untuk jangka masa selama setahun. Ambilan kedua bagi program ini dijangka akan berlangsung pada bulan Oktober 2020. Program ini diakreditasi oleh pihak CIDB.






Terdapat 15 buah modul bagi program ini dan antaranya adalah seperti berikut:

- *Organizational Management*
- *Communication Management*
- *Project Planning*
- *Project Financing and Funding*
- *Quality Management*
- *Procurement Management*
- *Design Management & Authority Liaison*
- *Project Monitoring and Control*
- *Human Resource Management*
- *Risk Management*
- *Safety, Health & Environment*
- *Dispute Resolutions*
- *BIM For Digital Construction*
- *Initiation, Handing Over Activities and Project Closed Out*
- *Integrated Master Project*

'WATCHING POINTS': THE IMPACT OF COVID-19 TO THE CONSTRUCTION & REAL ESTATE MARKETS & THE CHALLENGES AHEAD

Webinar bertajuk *"Watching Points': The Impact of Covid-19 to the Construction & Real Estate Markets & the Challenges Ahead"* telah dilaksanakan pada 4 Julai 2020 secara online melalui platform *Blackboard Collaborate*. Program ini adalah kerjasama antara UTMSPACE dan *Global Property Academy (GPA)*.

Seramai empat orang penceramah jemputan dari empat buah negara telah terlibat di dalam sesi seminar ini. Mereka adalah YBhg. Prof. Adjung Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Chief Executive, Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB), Dr. Sopon Pornchokchai, Real Estate Research & Valuation, Bangkok, Thailand, Mr. Joseph Lee, Certified Practicing Valuer & Chartered Valuation Surveyor, Melbourne, Australia dan Ms. Serena Lau, Registered Professional Surveyor & Chartered Valuation Surveyor, Hong Kong



Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Sr Dr. Megat Mohamed Ghazali bin Megat Abd. Rahman, Pengarah, Pejabat Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, UTMSPACE.

Lebih kurang 100 orang peserta telah menyertai webinar ini dan mereka adalah daripada pelbagai agensi dan organisasi dari dalam dan luar negara. Disamping mendapat ilmu dan perkongsian maklumat bersama penceramah yang pakar dalam bidang mereka, peserta juga memperoleh dua mata CPD dari Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah Dan Pengurus Harta, Malaysia (LPPEH).

PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI 2020 ANJURAN JABATAN PEMBANGUNAN PENEROKA & KOMUNITI FELDA

JOM MASUK IPT KHAS UNTUK ANAK-ANAK FELDA

HEBAHAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2020

SESI TEMUDUGA DAN KEMASUKAN KE IPT SESI 2020

Pelajar Lulusan SPM / STPM / STAM serta
bakal menduduki SPM & ibu bapa dijemput hadir

JADUAL HEBAHAN
WILAYAH FELDA

MASA: 9.00 pagi - 3.00 ptg		
FELDA WILAYAH ALOR SETAR	27 JUN 2020	DEWAN JKRR FELDA TELOK KANAN
FELDA WILAYAH TROLAK	28 JUN 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA SG TENGI
FELDA WILAYAH JOHOR BAHRU	4 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA AIR TAWAR 5
FELDA WILAYAH SEGAMAT	4 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA PEMANIS 1
FELDA WILAYAH RAJA ALIAS	5 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI SERTING HILIR KOMPLEKS
FELDA WILAYAH KUANTAN	11 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA KERATONG 3
FELDA WILAYAH TERENGGANU	11 JULAI 2020	PUSAT LATIHAN KERTEH TERENGGANU
FELDA WILAYAH MEMPAGA	12 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA TEMENTI
FELDA WILAYAH JENKA	12 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA JENKA 14
FELDA WILAYAH GUA MUSANG	16 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA CHIKU 3
FELDA WILAYAH SAHABAT	24 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI FELDA UMAS
FELDA WILAYAH SAHABAT	25 JULAI 2020	DEWAN SEMAI BAKTI DESA KENCANA, LAHAD DATU

UTMSPACE telah menyertai Program Pendidikan Tinggi 2020 anjuran Jabatan Pembangunan Peneroka & Komuniti Felda ke seluruh negara. Program yang bermula pada 27 Jun sehingga 25 Julai 2020 telah melibatkan beberapa universiti awam dan swasta tempatan. Sebanyak 13 buah lokasi telah diadakan kaunter terbuka dan Dewan JKRR, FELDA Teloi Kanan, Kuala Ketil Kedah menjadi lokasi pertama bagi program tersebut dan diakhiri di Dewan Semai Bakti, FELDA Desa Kencana, Lahad Datu Sabah. Seramai 330 pengunjung telah berkunjung ke meja pameran UTMSPACE sepanjang penganjuran dan enam orang kakitangan telah terlibat di dalam siri program ini.



Berikut adalah senarai lokasi dan tarikh bagi kaunter terbuka yang dijalankan di setiap wilayah:

Bil	Wilayah	Tarikh	Lokasi
1	Alor Setar (Kedah dan Perlis)	27 Jun 2020	Dewan JKRR, FELDA Teloi Kanan
2	Trolak (Perak dan Selangor)	28 Jun 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Sg Tengi
3	Johor Bahru (Johor)	4 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Air Tawar 5
4	Segamat (Johor)	4 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Pemanis 1
5	Raja Alias (Negeri Sembilan)	5 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Serting Hilir Kompleks
6	Kuantan (Pahang)	11 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Keratong 3
7	Terengganu	11 Julai 2020	Pusat Latihan Kerteh, Terengganu
8	Mempaga (Pahang)	12 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Tementi
9	Jengka (Pahang)	12 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Jengka 14
10	Gua Musang (Kelantan)	18 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Chiku 3
11	Tawau (Sabah)	24 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Umas
12	Lahad Datu (Sabah)	25 Julai 2020	Dewan Semai Bakti, FELDA Desa Kencana

KERJA-KERJA RENOVASI DI PEJABAT UTMSPACE T05 DAN TAMAN UNIVERSITI

Unit Aset dan Fasilitas UTMSPACE Johor Bahru telah memulakan projek-projek renovasi ruang Pejabat UTMSPACE T05 dan di Taman Universiti. Antara ruang yang menjalani renovasi tersebut adalah ruangan bagi makmal komputer yang bertempat di aras tiga, yang telah bermula sejak bulan Mei 2020. Makmal baharu ini boleh menempatkan seramai 50 orang pelajar dalam satu masa.

Selain daripada itu sebahagian daripada bangunan UTMSPACE Taman Universiti juga turut menjalani renovasi bagi pembinaan empat buah bilik seminar sejak bulan Jun 2020. Bilik-bilik seminar ini mampu memuatkan antara 36 sehingga 50 orang. Pembinaan bilik seminar ini juga akan disewakan kepada umum dan ia boleh dijadikan bilik kuliah bagi pelajar-pelajar pengajian dihujung minggu. Kesemua kerja-kerja renovasi telah berakhir pada penghujung bulan September 2020.



PELAKSANAAN PENCEGAHAN PENULARAN PANDEMIK PERINGKAT UTMSPACE




Unit Aset dan Fasilitas UTMSPACE Johor Bahru telah melaksanakan pelan tindakan bagi memastikan premis bangunan dan ruang kerja kakitangan UTMSPACE di Johor Bahru dan Kuala Lumpur adalah di dalam keadaan selamat berikutan pandemik yang sedang melanda negara ketika ini.

Mereka telah membuat perancangan yang amat teliti dan proaktif dengan mengambil kira pelbagai aspek keselamatan pekerja. Antaranya adalah membuat penandaan sempadan di ruang kerja dan tempat-tempat awam di dalam premis bangunan.

Kerja-kerja sanitasi juga dilakukan pada setiap minggu mengikut jadual ditetapkan. Ia adalah proses pembersihan dan sanitasi yang melibatkan ruang kerja staf dan kawasan tumpuan umum di premis UTMSPACE Johor Bahru dan Kuala Lumpur.





PANDEMIK COVID-19 : PERANCANGAN MALAYSIA MENGATASI SITUASI PANDEMIK DAN NORMA BAHARU

Dalam keterujaan dunia melangkah ke sedekad lagi dalam abad ke 21, dunia telah dikejutkan dengan pandemik yang tidak pernah terfikir bahawa ia mampu mengubah segala norma kehidupan manusia sejagat ketika ini. Wabak COVID-19 yang pada mulanya dikesan dari Wuhan, Hubei China telah mengakibatkan jutaan penduduk dunia hidup di dalam norma-norma baharu.

Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah bertindak dengan pantas dengan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dengan serta merta bermula 18 Mac, ekoran daripada gelombang kedua yang berlaku di Malaysia, yang telah mencatatkan dua kematian pada 17 Mac 2020. Kerajaan telah mengarahkan rakyat untuk berada kekal di dalam rumah dan mengenakan sekatan pergerakan keluar daerah dan negeri selama beberapa tempoh tertentu serta menjaga kebersihan diri. Ini dapat dilihat daripada beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan yang telah melalui beberapa fasa sejak ia mula diisytiharkan.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah melalui empat fasa yang bermula pada 18 Mac dan berakhir pada 12 Mei 2020. Ia merupakan Perintah Kawalan Pergerakan yang ketat bagi semua penduduk Malaysia dan ia wajib dipatuhi dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.


Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pula telah bermula dari 13 Mei sehingga 9 Jun 2020. Ia merupakan Fasa kelima Perintah Kawalan Pergerakan yang dilalui oleh rakyat Malaysia. Pada fasa ini, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah berhati-hati dengan memberikan kelonggaran bagi beberapa sektor untuk beroperasi. Manakala pergerakan penduduk untuk merentas daerah dan negeri telah juga dibenarkan. Urusan perniagaan telah kembali berjalan seperti biasa. Semua sekolah kebangsaan dan menengah telah dibuka secara berperingkat serta beberapa lagi kelonggaran telah diberikan pelepasan dengan syarat langkah-langkah pencegahan harus dipatuhi dengan ketat atau tindakan akan diambil sekiranya ingkar.

Manakala perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pula sedang melalui 2 fasa dimana ia telah bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos bagi fasa ke enam dan 1 September sehingga 31 December 2020 bagi fasa ke tujuh pula.

UTMSPACE telah mengambil tindakan pencegahan bagi membendung penularan pandemik CoVid-19 secara menyeluruh setelah ia memulakan operasinya ada 13 Mei 2020 yang lalu secara berperingkat.

Untuk permulaan, seluruh kakitangan UTMSPACE telah dibahagikan kepada dua kumpulan di mana mereka secara bergilir-gilir perlu hadir ke pejabat mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pada permulaan pelaksanaan bekerja di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) staf UTMSPACE memulakan tugas mereka dari jam 9.00 pagi sehingga 1.00 petang. Namun sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), perubahan waktu bekerja telah dipinda waktu bekerja bermula pada jam 8.15 pagi sehingga 5.00 petang. Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan selain daripada mengimbas suhu badan dan membersihkan tangan dengan penggunaan bahan pencuci tangan (hand sanitizer) sebelum memasuki permes bangunan. Staf juga diingatkan untuk membuat penjarakkan fizikal ketika berinteraksi antara sesama staf.

Berikut adalah maklumat tentang pelaksanaan bekerja Pasca Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19 bermula 18 Mac 2020 sehingga September 2020:



Rajah 1: Peringkat Pelaksanaan Kerja Pasca PKP

SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT UTMSPACE 2020

Unit Sumber Manusia dengan kerjasama KESUKEB UTMSPACE Johor Bahru dan Kuala Lumpur telah menganjurkan Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat UTMSPACE 2020 bermula dari 17 Ogos 2020 sehingga 21 September 2020. Pelbagai aktiviti dan pertandingan telah dianjurkan di UTMSPACE Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Fun Run Merdeka
2. Senamrobik Merdeka
3. Explorace Merdeka
4. Sayangi Pejabat Ku
5. Layar Merdeka
6. Bowling Merdeka
7. Sukan Rakyat
8. Derma Darah Yok!
9. Jom Jalan Merdeka
10. Teka Silangkata dan Kuiz Merdeka


Acara telah disertai oleh seluruh kakitangan UTMSPACE serta kaum keluarga bagi beberapa acara yang dianjurkan. Majlis penyampaian hadiah dan juga penutup bagi Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat UTMSPACE telah disempurnakan pada 21 September 2020 di UTMSPACE Johor. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, UTMSPACE. Acara ini telah disiarkan secara lintas langsung melalui akaun Facebook Kuminiti UTMSPACE.











PELANTIKAN BAHARU

Sepanjang bulan Mei sehingga September 2020, seramai 10 orang staf baharu telah melaporkan diri di UTMSPACE dan antaranya adalah seperti berikut:



Cik Nadia Diana binti Mohd Rusdi

Pensyarah

PPD (KL)

Tarikh lantikan : 1 Jun 2020



Cik Nurul Ain Shamila binti Nordin

Eksekutif Akademik

PPD (KL)

Tarikh lantikan : 1 Jun 2020



Cik Nur Aini binti Zakaria

Eksekutif Akademik

PPD (KL)

Tarikh lantikan : 1 Jun 2020



Cik Siti Nur Zahara binti Hamzah

Pensyarah

PPD (JB)

Tarikh lantikan : 10 Jun 2020



Encik Murugadass a/l Ganathipan

Eksekutif Akademik

PPD (JB)

Tarikh lantikan : 1 Julai 2020



Cik Nur Solehah binti Sham

Eksekutif Akademik

PPD (KL)

Tarikh lantikan : 15 Julai 2020



Cik Fatin Shaqira binti Abdul Hadi

Eksekutif Akademik

PPI (JB)

Tarikh lantikan : 17 Ogos 2020



Cik Nor Naimah binti Shaari

Pensyarah

PPI (JB)

Tarikh lantikan : 17 Ogos 2020



Encik Muhammad Zuhair bin Abdullah

Eksekutif

BPTM (BPAT) JB

Tarikh lantikan : 1 September 2020



Cik Ummu Habibah binti Ahmad

Pembantu Tadbir

PPI (KL)

Tarikh lantikan : 15 September 2020